

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@nmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Jika itu-lah perkara yang sangat diambil berat Majlis Peguam, ia sepatutnya menjadi sebuah parti politik. Biar organisasi lain yang mengendalikan hal berkaitan profesional," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed mengulas pembabitan badan itu dalam perhimpunan Bersih 3.0 dan dilihat cenderung kepada politik.


Menurutnya, sebagai sebuah badan profesional yang mengendalikan hal berkaitan undang-undang, Majlis Peguam sepatutnya memberi tumpuan kepada profesiannya iaitu berkaitan undang-undang dan bukananya menyertai politik, sehingga menimbulkan kekeliruan.

"(Mungkin) pada masa depan Persatuan Perubatan Malaysia atau Persatuan Arkitek Malaysia juga menjadi parti politik...saya pasti akan menimbulkan lebih banyak kekeliruan," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Perdana dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) serta Universiti Putra Malaysia

Bikin keliru

Dr Mahathir tegur Majlis Peguam cenderung berpolitik

FOTO | Faris Iswadi Ismail



METERAI...Dr Abd Shukor (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Dr Mohanadas sambil diperhati Dr Mahathir, semalam.

(UPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Lembaga Tadbir Urus Universiti Perdana, Tan Sri Dr Mohan Swami.

Pada majlis itu, Universiti

Perdana diwakili Naib Canselornya, Mejar Jeneral (B) Datuk Dr R Mohanadas; Mardi diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman, sementara

UPM oleh Naib Canselornya, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadri.

Menerusi MoU itu, Universiti Perdana dan Mardi akan berganding bahu, mengukuhkan, memudahkan, mempromosi serta membangunkan kerjasama dan hubungan dalam penyelidikan pertanian berkaitan kesihatan, manakala MoU bersama UPM membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam bidang sains dan akademik.

Mahathir yang juga Canselor Universiti Perdana ber-kata, sesbuah badan profesional perlu membezakan peranan yang sepatutnya dimainkan serta tidak mencampuradukkan antara tugas hakiki dan bidang politik.

"Mereka sepatutnya hanya memberi pendapat apabila ia berkaitan undang-undang, tetapi apabila anda mula ber-kempen untuk parti politik, saya fikir lebih baik ia menjadi sebuah parti politik," katanya.